



**Sofbats by**  
**Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani**

**THE ARRIVAL OF MAHDI (AS) IS NEAR**  
**KEDATANGAN MAHDI (AS) HAMPIR TIBA**

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullahi wa Barakatuh.*

*Authu Billahi Minash-shaytanir Rajeem,*

*Bismillahir Rahmanir Raheem.*

*Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi Rasulallah, Madad Ya Mashayikhina,*  
*Shaykh Abdullah Dagbestani, Shaykh Nazim al-Haqqani. Dastur.*

*Abu Ayyub al-Ansari. Madad.*

*Tariqatunas sobba, wal khayru fil jam'iyya.*

Authu Billahi Minash-shaytanir Rajim. Bismillahir Rahmanir Rahim.

اِفْتَرَبَتِ السَّاعَةُ وَاَنْشَقَّ الْقَمَرُ  
وَإِنْ يَرَوْا آيَةً يُعْرَضُوا وَيَقُولُوا سِحْرٌ مُّسْتَمِرٌّ

“Iqtarabtis sa'atu wanshaqqal qamar. Wa in yaraw ayatan yu'ridu wa yaqulu sihrun mustamir.” “Telah hampir saat (kedatangan hari kiamat) dan terbelahlah bulan. (1) Dan kalau mereka (kaum musyrik Mekah) melihat sesuatu mukjizat, mereka berpaling ingkar sambil berkata: (Ini ialah) sihir yang terus menerus berlaku. (2) Allah ﷻ berfirman dalam AlQuran Karim yang bermaksud : - Hari Pengadilan hampir tiba dan terbelahlah bulan.

Oleh sebab Junjungan kita Rasulallah ﷺ adalah Nabi yang terakhir dia bersabda “Hari Pengadilan hampir tiba,” justru itu orang orang mushrik cabar Nabi ﷺ seraya berkata “Jika engkau seorang Nabi maka buktilah dengan mukjizat” . Rasulallah ﷺ menunjuk berbagai mukjizat. Maka seorang dari mereka menunjuk ke arah bulan dan berkata “Bolehkah anda belahkan bulan menjadi dua?” Junjungan kita Rasulallah ﷺ dengan izin Allah ﷻ belah bulan di atas bukit Abu Qubays kepada dua belahan. Tetapi mereka tidak menerima mukjizat ini dan menuduh nabi ﷺ “Ini ialah sihir yang terus menerus berlaku.” Mereka melihat Nabi ﷺ sebagai tukang sihir (hasa) nauzubillah min dzalik.

Fikiran mereka tidak boleh menerima hakikat ini. Allah ﷻ hantar seorang nabi dari kalangan mereka. Sebalik menjadi bangga dengan nikmat ini mereka bermusuhan dengan dia dan memikir bagaimana hendak menyeksa Rasulallah ﷺ . Mereka tidak menerimanya kerana keangguhan mereka. Mereka tidak menerima Junjungan kita Rasulallah ﷺ sebagai Nabi dan Rasul. Mereka dengan keangguhan berkata, “Jika perlantikan ini harus terjadi,



**Sohbats by**  
**Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani**

kami lah sepatut layak menjadi Nabi dan Rasul.” Mereka melaksanakan pelbagai penyeksaan, kejalangan (wildness) dan pemberontakan terhadap mereka berjalan di atas landasan Allah ﷻ, tetapi akhir nya mereka di seksa dan tiada lagi, kecuali mereka yang bertaubat. Pada hari Qiyamat mereka akan saksi kenabian dan kerasulan Junjungan kita ﷺ tetapi ia terlambat dan tidak bermanfaat. Allah ﷻ, Junjungan kita Rasulullah ﷺ dan semua orang Islam akan marah terhadap mereka kerana mereka menimpa pelbagai sakitan yang amat perit dan penyiksaan. Mereka tidak berperikemanusiaan.

Walaupun demikian Junjungan kita Rasulullah ﷺ mempelawa mereka ke jalan Islam. Sebelum Perperangan Badr bermula, Rasulullah ﷺ bersabda “Saya mempelawa anda sekalian kepada agama yang benar. Mari lupakan kesengketaan dan kedegilan ini supaya anda semua akan mencapai kebahagiaan. Anda akan di muliakan dan akan

berbahagia di dunia dan di akhirat.” Tetapi mereka menzalimi diri mereka sendiri. Musuh utama manusia ialah Ego. Ego mereka merbahayakan mereka. Mereka masuk ke neraka selama lama nya.

Manusia hari ini berperangai sama. Bila anda berkata, “Hari Qiyamat akan tiba,” mereka termasuk yang terpelajar akan berkata, “Masa ada lagi.” Ini lah sebab kelemahan Iman. Walaupun dunia ini terbakar, mereka akan berkata, “Ada masa lagi sebelum Qiyamat.” Segala yang di sabda oleh Junjungan kita Rasulullah ﷺ adalah benar. Para Nabi di pilih dari kalangan mausia tetapi mereka tidak buat kesalahan, dan buat dosa. Allah ﷻ tidak benarkan mereka lakukan kesalahan dalam keadaan tahu atau tidak tahu. Mereka maksum. “Ismat” atau sifat suci murni adalah perwatakan para nabi. Orang lain tidak ada sifat ini.

Maqam tertinggi selepas nabi ialah para sahabat, selepas itu para awliya, para mashayikh. Mereka ada ciri ciri manusia, seperti buat salah dan mereka tidak maksum kerana mereka bukan para nabi. Mereka ada kesalahan dan tidak sempurna. Setiap orang ada kesalahan, kekurangan menurut tahap mereka tetapi Junjungan kita Rasulullah ﷺ maksum. Setiap sabdaan nya adalah benar yang Haq.

Selama 1,400 tahun telah berlalu semenjak Hijrah. Allah ﷻ Maha Mengetahui yang ghaib. Qiyamat hampir tiba. Jika manusia teliti dengan keadaan dunia sekarang ia terbukti nyata. Bila orang mati dan di kebumikan maka Hari Pengadilan mereka sudah sampai.



**Sofibats by**  
**Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani**

Bila hari Pembangkitan sudah tiba, sangkakala akan di tiupkan semua orang akan bangun. Dunia juga ada jangka hayat nya.

Setiap umat ada jangka hayat nya. Umat yang paling panjang umur nya ia lah umat Hazrat Nuh Alayhis Salam's. Dia hidup hampir 1,500 tahun: 1420 tahun. Umat junjungan kita Rasulullah ﷺ hampir dekat. Maka Hari Qiyamat tidak begitu jauh. Peristiwa peristiwa membuktikan dunia di bahagi dua: Dunia Kufur dan Dunia Islam. Dahulu ada Komunisma dan Kapitalisma. Itu tiada lagi.

“Al kufru millatun wahida.” Kaum kafir ada lah satu. Ia termasuk Budhist, Penyembah Api atau Zoroaster. Sekarang orang tertarik dengan Zoroastrianisma, seolah olah nya ia adalah perkara yang baik. Bomoh, Pengamal Syirik, Pemuda Berhala, Pemuda Patung Berhala adalah di golongan sebagai Kaum Kafir. Tiada beza antara mereka. Mereka menentang Islam. Seluruh dunia menentang Islam. Kemunculan Mahdi Alayhis Salam tidak lama lagi Inshallah.

Mahdi Alayhis Salam tidak akan hapuskan kekafiran dengan jumlah kekuatan tetapi dengan karamah Allah dengan mukjizat yang menajkubkan dengan sain luar biasa yang tidak tertakluk kepada undang undang Fizik. Seluruh Dunia kafir akan berfikir “Kita akan hapuskan Islam dan akan di selamatkan.” Tidak, sabdaan Junjungan kita Rasulullah ﷺ adala benar. “Seluruh Dunia akan di Islamkan. Seorang dari Keturunan saya akan mukul,” sabda Rasulullah ﷺ. “Nama dia, nama dia, nama ibu adalah sama dengan saya,” sabda Rasulullah ﷺ. Dunia penuh dengan kezaliman, pemberontakan dan korupsi akan berubah menjadi adil dan saksama, keindahan dan semua jenis kekotoran akan di basmi bawa pemerintahan Imam Mahdi Alayhis Salam.

Maka jangan putus harapan. Allah ﷻ tidak suka kepada mereka yang putus harapan. Beriman kepada Allah dan kemenangan Allah ﷻ akan tiba. Bukan sahaja yang kafir, orang munafik antara kita akan di bersihkan. Khas kepada kumpulan yang gelar diri mereka sebagai Muslim tetapi menghapuskan masjid, kuburan dan bunuh orang orang Islam. Rakyat meneriak “kita bukan lah orang kafir kita adalah orang Muslim.” Mereka berkata .“Kamu adalah orang kafir!”

Mereka semua akan di bersihkan. Semua fitna akan di hapuskan. InshaAllah. Amat mengecwakan seorang adik di anggap musuh kepada abangnya. Di antara orang Islam, kalangan yang ‘terpelajar’ akan di nodai oleh golongan ini. Tiada sebab yang anda akan di bodohkan oleh golongan ini. Kita menjadi contoh yang di mana kita mengikuti jejak



## Sohbats by Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani

langkah nenek moyang (Masyaik – Jaluran Emas – Golden Chain) kita yang berjalan atas landasan Rasulullah ﷺ selama 1,400 tahun yang tidak timbul fitnah seperti dinihari.

Jika mereka yang kita ikuti sesat, kita tidak akan sampai kepada hari ini. Apabila golongan ini muncul orang menjadi sesat dan golongan ini mengundang kekecohan. Bila awliya Allah tidak di hormati, Allah ﷻ menarik balik sokongan nya. Pada awal nya Ahlu Sunnat Wal Jammah menang di Syria, Sham, dan Iraq. Apabila golongan Wahhabi timbul mereka menghapuskan makam -kuburan para Sahabah dan menabur mayat nya mera rata tempat dan meletup masjid masjid maka kekecohan berlaku. Allah hantar seorang yang amat zalim atas mereka dan menghujani mereka dengan api. Mereka sedih, tetapi ada asbab sebab nya.

بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ

“Bima kasabat aydikum,” Allah berfirman dalam Sura Shura:ayat 30) yang bermaksud Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa) dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu. (30) Simpulan nya anda mengundang masalah ini. Orang orang ini melaku perkara yang sama 30 hingga 40 tahun dahulu. Allah tidak benarkan mereka berjaya kerana mereka tidak menghormati para Awliya, para Nabi dan Sahabah. Ini bukan masalah senjata atau ammo. Bila anda mengucap “Allah,” orang yang berdiri hadapan anda akan tumbang. Allah menolong mereka yang meminta pertolongan nya. Kita lihat orang di rata rata tempat, pertolongan sampai kepada mereka bila mereka mohon madad (sokongan) dari Hazrat Nabi ﷺ dan sesiapa yang menghormati para Sahaba. Tetapi Allah menghujani api keatas kepala yang berkurang adab dan tidak menghormati.

Tetapi kepala Wahabi degil dan keras seperti batu. Orang orang yang gelar diri mereka sebagai Salafi juga sama. Tiada kebaikan datang dari orang yang tidak hormat Junjungan kita Rasulullah ﷺ para Sahaba, dan para Mashayikh. Jauhi lah diri dari mereka. Alhamdulillah negara tidak begitu ramai orang begini. Moga Allah membuka minda mereka. Jika Allah tidak buka minda mereka moga golongan mereka terpencil kerana mereka sungguh merbahaya.

Moga Allah jadikan Mahdi Alayhis Salam muncul dalam masa yang terdekat supaya dunia ini akan bersih. Sudah tentu kita tunggu arahan dan bermunajat kepada Allah. Kerana kita tidak berdaya membuat apa apa dan pemberontakan bukan huraian



*Sohbats by*  
*Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani*

nya. Situasi sekarang amat ketara. Kita reda atas segala takdir Allah, tetapi kita harus terus berdoa. Doa adalah ibadah dan mengharapkan pertolongan adalah ibadah juga. Maka kita Inshallah berdoa. Moga Allah memberi keselamatan kepada negara ini dan memberi kejayaan keatas orang orang kafir, orang orang munafik dan musuh Nabi Junjungan kita

Wa Minallah at-Tawfeeq. Al-Fatiha.

Hazrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil  
19 February 2016/10 Jumadal Awwal 1437  
Ayyub Sultan Dargah